

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

15. Perdana Menteri mencadangkan kepada Y.A.B. Ketua Menteri untuk menubuhkan SPV dan menerbitkan bon dengan jaminan Kerajaan Persekutuan.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan SPV dan bagaimana mekanisme Kerajaan Negeri dalam penerbitan bon serta nilai bon?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan membatalkan projek PSR dengan penubuhan SPV dan bon ini?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

15. (a) Kerajaan Negeri masih dalam perancangan untuk menubuhkan sebuah *Special Purpose Vehicle* (SPV) sebagai anak syarikat kerajaan negeri. Malah kerajaan negeri kini dalam proses melantik *Company Secretary* untuk menyelaras dan menguruskan proses-proses menubuhkan sebuah SPV. Justeru, penerbitan bon bernilai RM10 bilion masih akan diteruskan oleh kerajaan negeri dengan mendapatkan jaminan daripada kerajaan persekutuan bagi membiayai kos pembinaan projek *Light Rail Transit* (LRT) Fasa 1. Mekanisme penerbitan bon tersebut masih dalam penelitian kerajaan negeri.
- (b) Perancangan dan pelaksanaan Projek *Penang South Reclamation* (PSR) tidak terjejas dengan penubuhan SPV dan penerbitan bon tersebut. Projek PSR akan tetap diteruskan demi menjamin perkembangan dan kelestarian pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang di masa hadapan.

